



# DANA KANDUNGAN DIGITAL (SEKTOR FILEM) DANA KHAS FILEM PENDEK



Dana Khas Filem Pendek ini adalah disasarkan kepada karyawan muda bagi menggalakkan penerbitan produk berkualiti. Penerbitan filem pendek terbuka kepada semua genre yang mempunyai nilai komersial bagi penyertaan pertandingan atau festival dalam dan luar negara.

## OBJEKTIF

- Memperkasakan kemahiran dan keupayaan karyawan muda tempatan untuk menghasilkan karya yang berkualiti dan diterima di peringkat antarabangsa.
- Merancakkan ekonomi industri kreatif dengan meningkatkan peluang pekerjaan komuniti dan karyawan muda melalui karya kreatif.
- Merangsang kreativiti penggiat melalui eksplorasi idea dan karya.



## PELAKSANAAN PROGRAM

- Pemohon boleh memohon melalui online di laman web FINAS [www.finas.my](http://www.finas.my) atau di <http://sppik.finas.my/>;
- Urusetia DKD akan membuat saringan awal permohonan menerusi SPPIK;
- Hanya pemohon yang terpilih sahaja akan dipanggil untuk sesi *pitching* kepada Jawatankuasa Penilaian dan Kelulusan Dana Mikro DKD;
- FINAS akan mengeluarkan Surat Tawaran dan Perjanjian kepada syarikat yang berjaya.

## TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM

Tempoh pelaksanaan program Dana Khas Filem Pendek ini adalah selama 6 bulan bermula dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) diberikan.



## SYARAT PERMOHONAN

- i. Pemohon bukan individu yang muflis
- ii. Pemohon berumur 18 hingga 35 tahun dan warganegara Malaysia
- iii. Keutamaan kepada pemohon yang mempunyai daftar syarikat *enterprise* Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- iv. Terbuka kepada individu yang layak kecuali penerima dana Mikro FINAS yang belum menerima surat penutupan projek daripada FINAS
- v. Setiap individu hanya boleh memohon satu permohonan projek sahaja
- vi. Pemohon hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas tiga (3) bulan dari tarikh penutupan projek yang dikeluarkan oleh FINAS dan telah disiarkan di mana-mana platform
- vii. Projek yang dimohon adalah projek yang bersedia untuk penggambaran
- viii. Dana ini terbuka kepada pemohon yang mempunyai idea penerbitan yang berpotensi tinggi dari sudut tema-tema yang digariskan seperti isu kemanusiaan, kritikan sosial dan elemen Keluarga Malaysia



ix. Tempoh Pelaksanaan Projek

6 bulan dari Surat Tawaran dikeluarkan

# PERBATUAN DANA KHAS FILEM PENDEK

## PERBATUAN 1 (40 %)

- Selepas menandatangani SST dan perjanjian (Letter of Agreement)
  - Perlu menyerahkan:
    - i. Sinopsis terkini
    - ii. Skrip akhir
    - iii. Senarai pelakon dan krew produksi
    - iv. Jadual penggambaran

## PERBATUAN 2 (40 %)

Produk akhir

## PERBATUAN 3 (20 %)

Penghantaran penyertaan ke festival selepas kelulusan  
Jawatankuasa Pemantauan Projek (JPP) DKD

## IMPLIKASI KEWANGAN

Pembiayaan DANA KHAS FILEM PENDEK ini sehingga RM 30,000 termasuk aktiviti pra-produksi, penggambaran, pasca-produksi dan pelan pengiklanan serta pemasaran bagi setiap projek.

**DOKUMEN YANG TIDAK LENGKAP  
TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK  
SESI PITCHING**

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, E-MEL KE:

infodkd@finas.my (Unit Sekretariat DKD)  
SARAWAK- maffizan@finas.my (En. Maffizan)  
SABAH- drusella@finas.my (Cik Drusella)

 [www.finas.gov.my](http://www.finas.gov.my)

 [FinasMalaysia](#)

 [FinasMalaysia](#)

 [FinasMy](#)

 [FINAS Malaysia](#)